

## Epsilon Unisza pahat sejarah



Kumpulan Epsilon Unisza yang muncul juara keseluruhan.

**GONG BADAK** – Kumpulan Epsilon dari Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) memahat sejarah tersendiri apabila muncul pemenang bagi Kategori Teknikal pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Universiti Awam 2016.

Kemenangan kali pertama dalam sejarah itu turut menyaksikan kumpulan berkenaan memenangi Anugerah Emas bagi produk mereka, sekali gus melayakkan kumpulan tersebut muncul juara keseluruhan.

Kumpulan diketuai Prof. Madya Dr. Saiful Bahri Mohamed itu me-

ngetengahkan produk 'A Low Cost Benchtop 3-Axis CNC Milling Machine for Teaching and Learning Purpose.'

Menurut Saiful Bahri, kewujudan mesin berkenaan khusus untuk pembelajaran bagi subjek CNC Technology, di mana pelajar akan belajar semasa kelas teori (programming) dan semasa latihan amali.

"Inovasi dilakukan ini telah menambat hati juri, di mana ia mengambil beberapa aspek penting seperti sistem kawalan pengaturcaraan mesin, struktur rangka, komponen per-

kakasan mesin, saiz mesin dan paling penting adalah kos pembinaan yang rendah," katanya.

Jelasnya lagi, selain teknologi yang dicipta itu, kejayaan tidak mungkin diraih tanpa adanya sokongan dan kerjasama erat semua ahli kumpulan secara keseluruhannya.

Selain Saiful Bahri, ahli kumpulan lain terdiri daripada Wan Omar Ali Saifudin Wan Ismail, Zammeri Abd Rahman, Noor Fazilah Mokhtar, Khalid Jusoh, Muhdd Zamree Zakaria, Mohd Shahrul Nizam Mohamad dan Mohd Fairul Bahare Jusoh.